



KERATAN AKHIBAR



Isnin – 3 Mei 2021



Halaman : 27

60 peratus orang asli setuju terima vaksin

Usaha memujuk mereka terima vaksin diteruskan oleh Jakoa dari masa ke masa

Oleh NORAFIDAH ASSAN

JEMPOL

Kira-kira 60 peratus penduduk di 16 perkampungan orang asli di daerah ini bersedia untuk menerima suntikan Covid-19.

Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Pengurusan Bencana Daerah Jempol, Syahrul Nizam Saleh berkata, anggaran itu adalah berdasarkan program outreach yang dilakukan oleh Pejabat Kesihatan daerah (PKD) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).

“Secara umumnya melalui



Kampung orang asli Langkap Dangi antara lokasi yang terlibat dengan Info On Wheels, Pejabat Penerangan daerah Jempol.

program berkenaan, dianggarkan 60 peratus orang asli menyatakan persetujuan berbanding kira-kira 90 peratus sebelum ini yang menolak untuk menerima suntikan.

“Kami sentiasa bekerjasama dengan semua agensi bertang-

gungjawab termasuk Pejabat Penerangan daerah untuk tujuan hebahan dan penerangan berhubung vaksin Covid-19 ini supaya orang ramai faham ketepitan vaksin,” katanya.

Kepada *Sinar Harian*, Menurutnya, pada masa ini

proses pendaftaran masih belum selesai dan ia dalam tindakan Jakoa.

“Usaha memujuk mereka menerima vaksin akan diteruskan oleh pihak Jakoa dari masa ke masa supaya golongan ini tidak dipinggirkan,” katanya.

Mengulas lanjut, pihaknya mensasarkan seramai 2,297 daripada 4,425 orang asli iaitu mereka yang berumur 18 tahun ke atas mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin.

“Kami sendiri akan ke perkampungan mereka dan kaedah ini lebih mudah selain mereka tidak perlu ke Pusat Penerimaan Vaksin (PPV),” katanya.

Sementara itu, Pejabat Penerangan daerah Jempol sedang memberi tumpuan di semua perkampungan orang asli di sini sebagai usaha membantu penduduk kampung itu mendaftar



SYAHRUL NIZAM

bagi menerima suntikan vaksin Covid-19.

Pegawai penerangannya, Noorezrin Mahmud berkata, pihaknya berperanan sebagai pemudah cara untuk membantu rakyat khususnya gwarga emas dan orang kurang upaya

(OKU) mendaftar bagi menerima suntikan termasuk masyarakat orang asli.

“Kami turun padang menerusi Program Info On Wheels ke perkampungan orang asli ini bersama PKD Jempol, Jakoa dan polis untuk tujuan tersebut.”

“Bagaimanapun terdapat kekangan untuk mereka mengisi pendaftaran menerusi aplikasi MySejahtera berikutan masalah litupan internet, namun PKD mengambil pendekatan dengan membawa borang vaksin, ia lebih mudah,” katanya.